

SULIT  
1103/2  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 2  
Peraturan  
Pemarkahan  
Sept 2013

1103/2



**MAKTAB RENDAH SAINS MARA**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2013**

---

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa.

---

---

Kertas soalan ini mengandungi 18 halaman bercetak

SULIT

1103/2

Markah penuh : 110 markah

## Soalan 1

Markah penuh 30 markah dibahagi kepada:

- (a) Isi - 20 markah  
 (b) Bahasa - 10 markah

(a) Isi [20 markah]

## Nota

- i. Panduan mengira perkataan.
  - a. Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
    - nama khas
    - perkataan berulang / kata ganda
    - penggunaan kata sendi di dan ke
    - tarikh
    - angka yang ditulis dengan nombor
    - gelaran
- ii. Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- iii. Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
- iv. Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		16
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup											2
	<b>Jumlah Markah</b>										<b>20</b>

**Soalan 1: Rumusan****Pendahuluan [2 Markah]****Markah****(Berdasarkan tema)**

Petikan membincangkan isu keselamatan dalam penggunaan aplikasi perbankan elektronik dalam kalangan masyarakat kini. 2

Petikan membincangkan usaha-usaha/ prakarsa-prakarsa/ inisiatif-inisiatif/ cara-cara yang selamat dalam penggunaan aplikasi perbankan elektronik dalam kalangan masyarakat/ di Malaysia. 2

Petikan membincangkan usaha-usaha/ prakarsa-prakarsa/ inisiatif-inisiatif/ cara-cara keselamatan dalam penggunaan aplikasi perbankan elektronik. 1

Petikan membincangkan langkah-langkah keselamatan dalam penggunaan aplikasi perbankan elektronik. 0

Petikan membincangkan langkah-langkah keselamatan dalam penggunaan aplikasi perbankan elektronik dan masalah-masalah dalam penggunaannya. 0

**Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]**

(langkah-langkah keselamatan dalam penggunaan aplikasi perbankan elektronik )

1. Pengguna memastikan kata laluan ke akaun pengguna sukar diteka oleh orang lain. 2
2. Pengguna perlu menukar kata laluan dengan lebih kerap. 2
3. Pengguna memadamkan data berkenaan aktiviti internet. 2
4. Pengguna ditegah melayari e-mel yang meminta penukaran nombor pin atau kata laluan perbankan. 2
5. Pengguna tidak melayari/mengakses laman sesawang perbankan elektronik dengan jalan pintas. 2
6. Pengguna tidak sewenang-wenangnya memberi kata laluan perbankan elektronik kepada sesiapa. 2
7. Pengguna memastikan resit transaksi disimpan untuk rujukan. 2
8. Pengguna dinasihati mencatatkan nombor pin atau kata laluan di tempat yang selamat. 2
9. Pengguna tidak mudah percaya dengan sistem pesanan ringkas (SMS) yang meminta menghantar maklumat rahsia. 2
10. Pengguna berinisiatif untuk mendapatkan maklumat terkini. 2
11. Pihak bank seharusnya sentiasa menaik taraf langkah keselamatan. 2

**Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]**

(faedah-faedah penggunaan perbankan elektronik )

1. Menjimatkan masa menunggu/beratur/perjalanan dsb. 2
2. Menjimatkan kos minyak/parkir/pengangkutan dsb. 2
3. Memudahkan pengguna menjelaskan pelbagai bil/urusan transaksi. 2
4. Segala urusan perbankan boleh dilakukan di mana-mana dan bila-bila sahaja. 2

SULIT

1103/2

5. Keselamatan diri dan wang lebih terjamin/tidak perlu membawa wang tunai yang banyak untuk membayar bil. 2
6. Melahirkan masyarakat celik teknologi. 2

**Penutup [2 Markah]**

Kesimpulannya, masyarakat hendaklah meningkatkan penggunaan perbankan elektronik agar urusan perbankan lebih efisien. 2

Kesimpulannya, masyarakat hendaklah meningkatkan penggunaan perbankan elektronik. 1

Kesimpulannya, masyarakat hendaklah meningkatkan penggunaan perbankan elektronik agar penguasaan teknologi dalam masyarakat meningkat. 0  
(huraian tidak berkaitan tema)

**(b) Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut;

Peringkat	Markah isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20 15 – 17	9 - 10 7 – 9	- Kesenambungan isi baik. - Struktur ayat/tatabahasa baik. - Kosa kata luas. - Tanda bacaan/ejaan betul.
Sederhana	12 – 14 8 – 11	6 - 7 4 – 6	- Kesenambungan isi masih baik. - Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan. - Kosa kata masih memuaskan. - Tanda bacaan/ejaan juga memuaskan.
Lemah	1 – 7	1 – 4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan.

**Nota**

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa maksimum : 10 markah]

## Soalan 2

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 2 (a) : 9 markah

Soalan 2 (b) : 9 markah

Soalan 2 (c) : 8 markah

Soalan 2 (d) : 9 markah

**Perhatian bagi soalan 2 (a) hingga soalan 2 (d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/ sempurna.
3. Jika **disalin bulan-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul**, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman.**

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	
- Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
-Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
-Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
-Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
-Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
-Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

**Soalan 2(a) : Petikan Umum****Markah****(i) Maksud rangkai kata *dicipta untuk menerobos***

- direka/dihasilkan/diwujudkan/dibentuk/dibuat/diadakan (1 m) untuk  
menembusi/menceroboh/mengakses/menggodam/melantasi (1 m) 2
- \*sekiranya maksud perkataan pertama betul, tetapi perkataan kedua salah 1
- \*sekiranya maksud perkataan pertama salah, tetapi perkataan kedua betul 0

**[Maksimum : 2 markah]****(ii) cara-cara menggunakan khidmat perbankan elektronik**

- pengguna hanya perlu menatap skrin komputer 1
  - melayari laman sesawang perbankan yang dipilih 1
  - menaip kata laluan atau nombor pin 1
  - memilih urusan transaksi yang diperlukan 1
- \* Terima 2 isi sahaja**

**[Maksimum : 3 markah]****(iii) Khidmat perbankan elektronik kurang mendapat sambutan daripada pengguna kerana**

- kurang keyakinan terhadap keselamatan sistem perbankan elektronik disebabkan oleh berlakunya kes-kes penipuan. 1 + 1
  - kurang pengetahuan/buta ICT terutama dalam kalangan orang tua. 1 + 1
  - kurang kesedaran disebabkan tahap pendidikan yang rendah 1 + 1
  - warga tua yang sukar menerima perubahan/pembaharuan disebabkan selesa dengan cara konvensional. 1 + 1
  - pengguna tidak sedar akan bahaya membawa wang tunai dalam jumlah yang banyak disebabkan oleh mereka selesa dengan cara tersebut. 1 + 1
  - talian internet kurang memuaskan/tidak meliputi semua kawasan terutama di kampung-kampung. 1 + 1
  - masyarakat tidak mampu melanggan internet/tiada talian internet di rumah disebabkan kadar yang mahal. 1 + 1
- \* jawapan lain boleh diterima sekiranya sesuai**

**[Maksimum : 4 markah]**

**Soalan 2(b) : Petikan Drama****Markah****(i) Rungutan orang kampung terhadap kandang kuda milik Pak Tuan Dollah ialah**

- kekotoran daripada kandang kuda mencemarkan air. 1
- anak-anak mereka mengidap sakit-sakit belaka. 1
- macam-macam lagi. 1

**[ Maksimum : 2 markah]****(ii) Langkah-langkah yang akan saya ambil untuk memastikan sungai itu tidak terus tercemar**

- memindahkan kandang kuda jauh daripada sungai. 1
- membina sistem kumbahan yang lebih sistematik. 1
- memproses najis kuda menjadi baja organik. 1
- mendapatkan khidmat nasihat daripada pihak berwajib. 1
- menukarkan bidang ternakan kepada bidang yang lain. 1

**\*jawapan lain boleh diterima sekiranya sesuai****[ Maksimum : 3 markah]****(iii) Persoalan dalam petikan:**

- Persoalan pencemaran sungai memberi kesan buruk kepada masyarakat dan membawa penyakit . Buktinya air sungai yang tercemar menyebabkan anak orang-orang kampung menghidapi penyakit. (1+1)
- Persoalan penindasan terhadap golongan yang lemah. Buktinya Pak Tuan Dollah mahu orang kampung takut akan dirinya. (1+1)
- Persoalan rasa simpati terhadap golongan bawahan. Buktinya Intan Siti Rahimah sedih melihat kesengsaraan hidup orang kampung. (1+1)

**Persoalan keseluruhan drama:**

- Persoalan kepincangan masyarakat memilih kepada orang yang berharta. Buktinya Pak Tuan Dollah menggunakan wang untuk mempengaruhi orang kampung memilihnya sebagai wakil penduduk. (1+1)
- Persoalan kesedaran dan keinsafan terhadap kesilapan yang pernah dilakukan. Buktinya Pak Tuan Dollah menyedari perbuatannya selama ini telah menyimpang daripada hukum Allah menyebabkan dia insaf dan mendekatkan diri kepada Allah. (1+1)
- Persoalan kepercayaan terhadap amalan syirik dan khurafat. Buktinya Pak Tuan Dollah tergamak memindahkan jenazah ibunya dari kubur ke bawah rumah untuk memastikan dia memperoleh kekayaan seperti yang diminta oleh bomoh. (1+1)

- Persoalan sikap manusia yang mudah lupa apabila sudah kaya. Buktinya Pak Tuan Dollah yang asalnya capik tetapi apabila sudah kaya, dia bersikap angkuh terhadap orang lain. (1+1)

**\*jawapan lain boleh diterima sekiranya sesuai**

**[ Maksimum : 4 markah]**

**Soalan 2(c) : Petikan Prosa Klasik**

**(i) Maksud rangkai kata *berbuat syafaat***

- memberi/menghulurkan/menyumbangkan (1 m)
- kelebihan/kurniaan/bantuan/pertolongan (1 m)

2

**[ Maksimum : 2 markah]**

**(ii) Reaksi bayan setelah mendengar rayuan isteri saudagar**

- Bayan berasa kasihan. 1
- Bayan menasihati isteri saudagar agar bertenang/tidak bersedih. 1
- Bayan akan memulangkan isteri saudagar ke pangkuan suaminya. 1
- Bayan menyuruh isteri saudagar bersabar (sehingga rambut dan bulu keningnya panjang dahulu). 1
- \*-...janganlah bercinta. 0

**Terima 2 isi sahaja.**

**[Maksimum : 3markah]**

**(iii) Kelebihan memberi maaf kepada seseorang yang pernah melakukan kesalahan terhadap kita**

- menyedarkan atau menginsafkan mereka agar tidak mengulangi kesalahan itu lagi. 1
- menjalinkan tali persahabatan semula/mengelakkan permusuhan. 1
- mengelakkan rasa dendam yang tidak berkesudahan. 1
- menenangkan hati. 1
- menambahkan rasa hormat orang lain terhadap diri/martabat diri makin tinggi. 1
- mendapat pahala/mendapat kebaikan dunia dan akhirat. 1

**\*jawapan lain boleh diterima sekiranya sesuai**

**[Maksimum : 3 markah]**



SULIT

1103/2

**Soalan 2(d) : Seloka**

- (i) **Pengarang menegur sikap Si Luncai kerana**
- Si Luncai tidak/malas mengusahakan kebunnya. 1
  - Si Luncai tidak menggunakan kecerdikannya/akalnya/kebijaksanaannya untuk menyelidik. 1
  - Si Luncai tidak/malas belajar hingga sempurna. 1

**\* Terima 2 isi sahaja.****[Maksimum : 3 markah]**

- (ii) **Kesan-kesannya jika seseorang itu tidak bersungguh-sungguh menuntut ilmu**
- pelajar akan tercicir dalam pelajaran/gagal dalam peperiksaan. 1
  - tidak berpeluang menyambung pelajaran ke peringkat tinggi. 1
  - tidak mendapat peluang pekerjaan yang baik. 1
  - gagal mengubah nasib keluarga. 1
  - masyarakat mundur. 1
  - negara akan kerugian tenaga kerja. 1

**\*jawapan lain boleh diterima sekiranya sesuai****[Maksimum : 3 markah ]**

- (iii) **Dua latar masyarakat yang terkandung dalam seloka ini**
- masyarakat yang tidak bertanggungjawab terhadap harta benda/keluarga. 1
  - masyarakat yang malas belajar/berusaha/berfikir. 1
  - masyarakat yang berilmu tetapi bertindak tanpa menggunakan akal. 1
  - masyarakat yang tidak berani menegur kesalahan orang lain. 1

**\*terima 2 isi sahaja****[Maksimum : 3 markah ]**

**Soalan 3**

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

Soalan 3 (a): 6 markah

Soalan 3 (b): 6 markah

Soalan 3 (c): 6 markah

Soalan 3 (d): 6 markah

Soalan 3 (e): 6 markah

**Perhatian bagi soalan 3(a)**

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak ½ markah.

**Jawapan 3(a)****(i) abadi**

-ada permulaan yang tiada pengakhiran (bkn masa, kehidupan, kenangan dsb):

*Kehidupan akhirat adalah kehidupan yang abadi.*

-wujud atau berterusan untuk selama-lamanya (sepanjang hayat dsb), tidak berkesudahan, kekal: *keamanan yang abadi; kasih sayang yang abadi;*

**(ii) akhlak**

-budi bahasa, kelakuan, tabiat

*anak itu sudah rosak akhlaknya.*

**(iii) iltizam**

-keterlibatan secara bersungguh-sungguh dan penuh tanggungjawab dalam melaksanakan sesuatu, komitmen

*usaha pengembangan bahasa oleh Dewan Bahasa dan Pustaka perlulah disertai oleh iltizam daripada kerajaan sendiri.*

-penyataan berupa persetujuan (perjanjian) yang menyebabkan seseorang (sesuatu pihak) terikat (berazam) untuk melakukan sesuatu

*Saribuku adalah satu lagi iltizam DBP dalam usaha untuk menggalakkan budaya membaca.*

**(iv) istirahat**

-keadaan atau suasana santai

*Kita memerlukan istirahat yang cukup.*

SULIT

1103/2

- (v) **syumul**  
-bersifat menyeluruh dan sempurna  
*undang-undang Islam yang bersifat syumul dan universal.*
- (vi) **zuriat**  
-keturunan, benih, baka, anak atau anak cucu  
*Pak Mail dan Mak Jimah tidak mempunyai zuriat walaupun sudah 10 tahun mendirikan rumahtangga.*

[ Maksimum : 6 Markah ]

**Jawapan 3(b) Kenal pasti Subjek dan Predikat**

- (i) subjek - Seseorang juruterbang  
predikat - sering berhadapan dengan cabaran dan risiko
- (ii) subjek - Kerjaya ini  
predikat - menuntut keberanian juruterbang memandu pesawat
- (iii) subjek - Kemahiran memandu kapal terbang  
predikat - lebih sukar daripada memandu kenderaan lain
- (iv) subjek - Cara pengendaliannya  
predikat - amatlah berbeza
- (v) subjek - Mereka  
predikat - perlu menjalani latihan khas di pusat latihan penerbangan
- (vi) subjek - Juruterbang yang berkemahiran  
predikat - mampu menerbangkan pesawat tanpa mengira sama ada perjalanan itu jauh atau dekat

[ Maksimum : 6 markah ]

**Jawapan 3(c)**

- (i) pelusuk - pelosok  
penceroboh - pencerobohan
- (ii) bandaraya - bandar raya  
padatan - kepadatan
- (iii) hulu balang - hulubalang  
jaminan - menjamin

[Maksimum : 6 markah]

**SULIT****1103/2****Jawapan 3 (d)**

- |       |                                   |   |                                      |
|-------|-----------------------------------|---|--------------------------------------|
| (i)   | dokumentasi<br>video klip         | - | dokumentari<br>klip video            |
| (ii)  | Yang Berhormat<br>ke              | - | Yang Amat Berhormat<br>kepada        |
| (iii) | hadiah<br>dianugerahkan oleh beta | - | bintang / pingat<br>beta anugerahkan |

**[Maksimum : 6 markah]****Jawapan 3(e)**

- (i) Ikan pulang ke lubuk/ belut pulang ke lumpur berapa tinggi terbang bangau, akhirnya hinggap di belakang kerbau juga/ setinggi-tinggi terbang bangau, hinggap ke bubungan juga / tak sungguh seluang melaut akhirnya balik ke tepi juga.
- (ii) Alang-alang mandi biar basah/ alang-alang berminyak biar licin/mati-mati minyak biar licin/ alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan.
- (iii) Gunting dalam lipatan/duri dalam daging/api dalam sekam

**\*Tiada 1 markah untuk soalan ini****[ Maksimum : 6 markah]**

## Soalan 4

Markah penuh 15 markah

## Panduan pemarkahan bagi soalan 4.

- (a)
- i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
  - ii) Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap.
  - iii) Beri 1 markah bagi setiap pernyataan yang betul.
  - iv) Beri 1 markah bagi setiap huraian yang betul.
  - v) Markah isi maksimum 4 markah.
  - vi) Markah bahasa maksimum 3 markah.
  - vii) Markah bahasa diberi secara *impression*.
 

Baik	:	3 markah
Sederhana	:	2 markah
Lemah	:	1 markah
  - viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
  - ix) Jika pernyataan isi betul tetapi huraian salah, beri 1 markah untuk pernyataan.
  - x) Jika pernyataan isi tiada/salah tetapi huraian betul, beri 0 markah.
  - xi) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 7 markah]

- (b)
- i) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
  - ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
  - iii) Beri 1 markah untuk 1 pernyataan teknik imbas kembali.
  - iv) Beri 2 markah untuk setiap huraian yang lengkap/jelas bagi setiap pernyataan teknik imbas kembali.
  - v) Markah isi maksimum 6 markah (maksimum 3 markah bagi setiap pernyataan dan huraian teknik imbas kembali).
  - vi) Markah bahasa maksimum 2.
  - vii) Markah bahasa diberi secara *impression*.
 

Baik	:	2 markah
Lemah	:	1 markah
  - viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
  - ix) Jika pernyataan isi betul tetapi huraian salah, beri 1 markah untuk pernyataan.
  - x) Jika pernyataan isi tiada/salah tetapi huraian betul, beri 0 markah.
  - xi) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 8 markah]

## Jawapan soalan 4

(a) Huraikan **dua** persoalan kasih sayang

NOVEL	Persoalan (1 M)	HURAIAN PERISTIWA (1 M)
Renyah	<p>-Kasih sayang seorang ayah terhadap anak-anak.</p> <p>-Kasih sayang seorang ibu terhadap anak-anak.</p> <p>-Kasih sayang seorang nenek kepada cucunya.</p> <p>-Kasih sayang terhadap alam sekitar.</p>	<p>Datuk Dolhi begitu mengambil berat tentang anak-anaknya dengan menyelesaikan masalah yang dihadapi mereka. Contohnya Dani dihantar ke pusat serenti setelah terlibat dengan dadah dan Mukhlis yang menghadapi masalah mental dihantar ke rumah sakit mental.</p> <p>Datin Tominah begitu menyayangi anak-anak dengan mengambil berat tentang masalah dan cuba membantu mereka. Contohnya dia telah meminjamkan wang kepada Hasnol yang sering kesempitan wang.</p> <p>Setelah kematian Mastura, iaitu ibu kepada Wahi dia telah dipelihara oleh neneknya dengan penuh kasih sayang sehingga dia berjaya dalam pelajaran.</p> <p>Ilham, anak Datuk Dolhi yang berjuang untuk mempertahankan hutan di Sarawak, telah mengadakan demonstrasi bagi menghalang pembalakan haram.</p>
Sutera Dalam Lukisan	<p>-Kasih sayang seorang anak terhadap ibu.</p> <p>-Kasih sayang seorang nenek kepada cucunya.</p> <p>-Kasih sayang seorang ketua terhadap anak buah.</p> <p>-Kasih sayang seorang sahabat.</p> <p>-Kasih sayang sesama insan.</p>	<p>Bujei meredah asap tebal untuk menyelamatkan ibunya dalam kebakaran walaupun badannya lemah setelah diterajang oleh Harun.</p> <p>Nenek Bujei menjaganya selepas kematian kedua-dua ibu bapa Bujei.</p> <p>Sidang Saman mengarahkan Alias membayar ganti rugi kepada Bujei setelah dia merosakkan radio baharu Bujei.</p> <p>Adila berusaha bersungguh-sungguh memulihkan Bujei supaya menjadi manusia normal.</p> <p>Adila menderma darah kepada Sahak setelah Sahak terlibat dalam kemalangan.</p>
PAPA....(akhirnya kau tewas jua!)	-Kasih sayang seorang isteri terhadap suami.	Buktinya mama sanggup mempertaruhkan nyawanya untuk mengandung kali kedua sebagai tanda kasih sayang yang mendalam terhadap papa yang inginkan anak meskipun tahu risiko yang bakal dihadapi.

	<p>-Kasih sayang seorang suami terhadap isteri</p> <p>-Kasih sayang seorang anak terhadap ayahnya.</p> <p>-Kasih sayang seorang sahabat.</p>	<p>Papa juga membuktikan kasih sayang yang mendalam terhadap mama dengan cara menjaganya, berbual-bual dengan mama sepanjang masa mama koma dengan harapan mama akan pulih seperti dahulu.</p> <p>Intan Julia membuktikan kasih sayangnya dengan mengizinkan papa mengahwini Aisyah meskipun pada peringkat awalnya dia menentang hasrat papanya.</p> <p>Julia tetap meneruskan persahabatannya dengan Rasydan walaupun dilarang oleh bapanya. Julia juga tidak mempedulikan asal usul Rasydan.</p>
Konserto Terakhir	<p>-Kasih sayang terhadap anak angkat.</p> <p>-Kasih sayang ibu bapa terhadap anak.</p> <p>-Kasih sayang seorang guru terhadap anak didik.</p> <p>-Kasih sayang seorang menantu terhadap bapa mentua.</p>	<p>Pak Long Karim memelihara Hilmi dengan penuh kasih sayang walaupun Hilmi bukan anak kandungnya.</p> <p>Datuk Johari dan Datuk Salmah memberikan kasih sayang sepenuhnya kepada Hayati. Mereka telah menjodohkan Hayati dengan Mohsin kerana yakin Mohsin dapat membahagiakan Hayati.</p> <p>Pak Bakar sangat menyayangi Hilmi kerana menyedari bakat yang ada pada Hilmi. Pak Bakar sanggup menerima tindakan daripada Persatuan Pemuzik semata-mata untuk mempertahankan Hilmi.</p> <p>Hilmi sangat terkesan sebaik sahaja menerima berita kematian Pak Bakar. Hilmi bergegas pulang ke KL untuk menziarahi arwah.</p>
Azfa Hanani	<p>-Kasih sayang seorang ibu terhadap anak.</p> <p>-Kasih sayang anak saudara kepada bapa saudaranya.</p> <p>-Kasih sayang seorang sepupu kepada sepupunya.</p>	<p>Datin Maziah terlalu sayangkan anaknya Tengku Murni sehingga anaknya Tengku Mazran tidak sanggup untuk memberitahu keadaan sebenar Tengku Murni yang meninggal dunia akibat kemalangan.</p> <p>Azfa Hanani juga sayang kepada keluarga Pak Longnya. Dia menyedari keadaan Pak Longnya yang miskin dan dapat menerima keadaan itu. Dia reda andainya dia diberhentikan daripada persekolahan.</p> <p>Azfa Hanani sanggup menerima tawaran menyamar sebagai Tengku Murni kerana mahu sepupunya Zuraini mendapat rawatan kakinya yang lumpuh.</p>

	-Kasih sayang seorang bapa saudara kepada anak saudaranya.	Bapa saudara Azfa Hanani menyayanginya sehingga sanggup menjaganya dari kecil selepas kematian ayah dan ibunya dalam kemalangan.
Kembara Amira	-Kasih sayang seorang ibu terhadap anak  -Kasih sayang seorang ayah terhadap anaknya.  -Kasih sayang seorang sahabat.	Digambarkan melalui sikap Profesor Zaidah yang sanggup meninggalkan kerjanya demi mencari Amira di Gunung Gua Gajah.  Tau sayang akan anaknya Sabi. Dia sanggup menculik anaknya Sabi/Malique dan tidak mahu melepaskannya semasa Itai, Amira dan Pak Lias ingin membawa Sabi turun dari puncak Gunung Gua Gajah. Dia mahu bersama Sabi yang telah lama meninggalkannya.  Amira menyayangi Jacinta dengan mengambil berat tentang dirinya dan mengajaknya bercuti bersama-samanya di Gunung Mat Raya.
Melunas Rindu	-Kasih sayang sesama ahli keluarga.  -Kasih sayang seorang ibu kepada anaknya.  -Kasih sayang seorang anak kepada bapa/keluarga angkat.  -Kasih sayang seorang anak kepada ibu kandungnya.	Walaupun Fuad seorang Islam namun, dia tetap diterima oleh ibu dan bapa saudaranya yang tidak seagamanya dengannya.  Sifat keibuan yang ada pada Mak Salmah menyebabkan dia tidak dapat menerima hakikat kematian Sofia.  Fuad sanggup membelikan motosikal untuk digunakan Pak Ismail dan membawa Pak Ismail dan isterinya menunaikan umrah.  Fuad berusaha bersungguh-sungguh mencari ibu kandungnya dengan meminta bantuan daripada pelbagai pihak. Akhirnya dia dapat berjumpa dengan ibunya Mariana.
Kabus di Perbukitan	-Kasih sayang terhadap adik beradik.  -Kasih sayang seorang bapa terhadap anaknya.  -Kasih sayang seorang suami terhadap isteri.	Hubungan istimewa saudara kembar iaitu Faridah dan Rahayu walaupun mereka terpisah akibat perpecahan keluarga.  Mejar(B)Kamarudin sanggup meredah hutan tebal demi mencari Faridah yang hilang.  Ghazali sanggup membiarkan Faridah di kampung demi menjaga ibunya yang telah uzur semata-mata kerana kasih akan Faridah. Soleh Johnson sanggup berpindah ke Malaysia semata-mata kerana kasihnya terhadap Faridah yang ingin tinggal berdekatan dengan anak-anaknya.

\*Terima mana-mana jawapan lain yang sesuai berserta contoh yang sesuai.



- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, jelaskan **satu** peristiwa yang dapat menggambarkan **teknik imbas kembali** yang terdapat dalam setiap novel.

NOVEL	PERNYATAAN(1 M)	HURAIAN/CONTOH PERISTIWA (2 M)
Renyah	-Mengimbas kembali peristiwa perkenalan dengan isteri kedua.  -Mengimbas kembali peristiwa kelahiran anak.	Ketika berada di dalam kapal terbang yang menuju ke Jepun, Datuk Dolhi terkenang akan bibit-bibit perkenalan dengan isteri keduanya, Mastura hingga memperoleh seorang anak lelaki iaitu Wahi.  Datuk Dolhi mengimbau kenangan tentang kelahiran anak sulungnya Hasnol. Ketika itu dia menjadi pegawai kerajaan. Dia berdoa agar suatu hari nanti Hasnol akan menjadi PTD seterusnya KSU atau apa-apa jawatan tinggi dalam kerajaan.
Sutera dalam Lukisan	-Mengimbas kembali peristiwa lucu.  -Mengimbas kembali peristiwa menyayat hati.  -Mengimbas kembali nasihat yang diberikan oleh seseorang.	Same'ah mengimbas kembali kisah lucu yang berlaku kepada Bujei. Alias dan orang kampung takut kepada Bujei kerana dia dikatakan membawa sebutir bom tangan sedangkan sebenarnya sebiji putik nanas.  Bujei terkenang akan peristiwa sedih yang menimpa ibunya terkorban dalam kebakaran di rumah mereka angkara perbuatan bapa tirinya, Harun.  Bujei teringat akan nasihat dan pesanan Adila yang menyatakan dirinya ada kebijaksanaan dan dia harus yakin akan kemampuan dirinya untuk berubah.
Papa...(akhirnya kau tewas jua!)	-Mengimbas kembali kelahiran anak kembar.  -Mengimbas kembali kemalangan jalan raya.	Mak Cik Noraini menceritakan peristiwa pertemuan antara Jeffri dengan Intan Maliana tentang saat kritikal kelahiran anak kembarnya.  Jeffri teringat akan peristiwa kemalangan yang menimpa atas keluarganya. Jeffri teringat akan Datuk Mustakim iaitu ayah angkat Rasydan yang telah melanggar ayah dan ibunya dahulu.
Konserto Terakhir	-Mengimbas kembali peristiwa kegagalan dalam perkahwinan.  -Mengimbas kembali layanan buruk yang pernah diberikan.	Dato Johari mengingati kembali saat-saat dia meninggalkan kampung di Kedah 17 tahun dahulu. Dia teringat perkahwinan pertama yang telah gagal itu membawa dirinya ke Kuala Lumpur.  Datin Salmah teringat kepada layanan buruknya terhadap Hilmi semasa Hilmi menumpang di rumahnya. Hal ini berlaku ketika Datin Salmah dan Datuk Johari berada di hospital setelah mengetahui identiti Hilmi yang sebenarnya.

Melunas Rindu	-Mengimbas kembali peristiwa pertemuan dengan anak saudara.  -Mengimbas kembali orang yang tersayang.	Swée Lan teringat akan kepulangan Fuad pada suatu senja lebih setahun yang lalu. Dalam suasana gelap Joshua (Fuad) pulang ke rumahnya.  Mak Salmah sering teringat anaknya Sofia yang telah meninggal dunia. Fuad masih teringat suatu ketika dahulu Mak Salmah pernah membencinya kerana kehilangan Sofia.
Kabus di Perbukitan	-Mengimbas kembali peristiwa pertemuan dengan orang tersayang/kekasih.  -Mengimbas kembali kenangan semasa kecil.	Mejar (B) Kamaruddin imbas kembali pertemuan dengan Salmah di Calet Seri Buana di Pengkalan Badak yang membawa mereka ke jinjang pelamin.  Faridah masih ingat semasa kecilnya dia membesar di kawasan Sungai Haji Dorani. Bramin dan Rahayu mengutip lala dan kerang di pantai ketika emak mereka berniaga pisang goreng. Kenangan itu tidak lama. Ayah mereka datang membawa Rahayu pergi bertahun-tahun lamanya.
Azfa Hanani	-Mengimbas kembali keluarga di kampung.	Azfa Hanani teringat akan Pak Long dan sepupu-sepupunya di kampung. Dia teringat peristiwa ketika menikmati masakan Mak Longnya di kampung.
Kembara Amira	-Mengimbas kembali kenangan bersama rakan.	Amira ketawa kerana mengingatkan kembali kenangan semasa berada di Gua Niah ketika mereka turut serta dalam kerja lapangan yang dilakukan oleh ibunya.

**\*Terima mana-mana jawapan lain yang sesuai berserta contoh yang sesuai.**

### PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT